



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1989**

---

---

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

Ketua-ketua Badan Berkanun dan

Ketua-ketua Kuasa Tempatan

**UJIAN AIR KENCING SECARA MENGEJUT BAGI MENGESAN  
PENAGIHAN DADAH DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN**

## **1. Pendahuluan**

1.1 Kerajaan memandang berat terhadap penagihan dadah dan sentiasa mengambil langkah-langkah yang tegas untuk memastikan pegawai dan kakitangan Kerajaan tidak terlibat dengan penagihan dadah. Sehubungan dengan ini, satu arahan telah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 1985 bertarikh 29 Januari 1985 yang menghendaki Ketua-ketua Jabatan menubuhkan Jawatankuasa Anti Dadah bagi merancang dan melaksanakan program pencegahan dan pembasmian kegiatan penagihan dadah di kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan termasuk ujian air kencing secara mengejut.

## **2. Tujuan**

2.1 Tujuan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan ialah untuk memaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan semua pegawai dan kakitangan Kerajaan diwajibkan menjalani ujian air kencing secara mengejut apabila dikehendaki. Keputusan ini bertujuan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan sentiasa bebas dari penagihan dadah.

## **3. Pelaksanaan**

3.1 Bagi melaksanakan program ini, Kumpulan Kerja Bilik Gerakan Anti Dadah Persekutuan/Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (Mengenai Dadah) atau Kumpulan Kerja Bilik Gerakan Anti Dadah Negeri/Wilayah Persekutuan hendaklah menubuhkan Pasukan-pasukan Khas untuk menjalankan ujian air kencing secara mengejut di Jabatan-jabatan Kerajaan mengikut prosidur seperti di Lampiran I.

Kumpulan Kerja Bilik Gerakan Anti Dadah Persekutuan/Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (Mengenai Dadah) atau Kumpulan Kerja Bilik Gerakan Anti Dadah Negeri/Wilayah Persekutuan hendaklah bertanggungjawab merancang serta mengawasi pelaksanaan program ini. Satu laporan pelaksanaan program hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Anti Dadah, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri setiap tiga (3) bulan sekali.

3.2 Pasukan-pasukan Khas yang ditubuhkan ini akan mengadakan lawatan ke Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan untuk menjalankan ujian air kencing secara mengejut setelah menghubungi Ketua-ketua Jabatan terlebih dahulu.

3.3 Bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan yang dikesan menggunakan dadah melalui Program Ujian Air Kencing secara mengejut dan disahkan sebagai penagih dadah oleh pegawai perubatan, Pasukan Khas hendaklah:

3.3.1 Melaporkan kepada Ketua Jabatan bagi diambil tindakan mengikut **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1984**.

3.3.2 Mengambil tindakan susulan mengikut Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

3.4 Ketua-ketua Jabatan boleh melaporkan kegiatan penagihan dadah di Jabatan masing-masing dan mendapat penjelasan lanjut berkenaan Surat Pekeliling Am ini daripada Pasukan Petugas Anti Dadah Persekutuan atau Negeri seperti alamat di **Lampiran II**. Oleh itu semua Ketua Jabatan dikehendaki memberi kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan program ini.

#### **4. Tarikh Kuatkuasa**

4.1 Tarikh kuatkuasa peraturan ini adalah dari tarikh Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan.



(DATO' ABDUL MALEK BIN ABDUL AZIZ)

*b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.*

Tarikh: 19hb April, 1989.

## **PROSIDUR UJIAN AIR KENCING SECARA MENGEJUT BAGI MENGESAN PENAGIHAN DADAH DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN**

#### **1. PENDAHULUAN**

[Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1989](#) menghendaki Pasukan-pasukan Khas ditubuhkan untuk menjalankan ujian air kencing secara mengejut ke atas pegawai dan kakitangan Kerajaan di agensi-agensi Kerajaan. Prosidur ini disediakan untuk menghuraikan cara-cara pelaksanaan ujian air kencing.

#### **2. TUJUAN**

Tujuan prosidur ini ialah untuk:

- 2.1 Memberi panduan bagi penubuhan Pasukan-pasukan Khas.  
Memberi garis panduan bagi pelaksanaan program ujian air kencing
- 2.2 secara mengejut.

### **3. PENUBUHAN PASUKAN-PASUKAN KHAS**

Pasukan-pasukan Khas ini hendaklah ditubuhkan di dua peringkat seperti berikut:

#### **3.1 Peringkat Persekutuan**

Pasukan-pasukan Khas hendaklah ditubuhkan oleh Kumpulan Kerja Bilik Gerakan Anti Dadah Persekutuan.

#### **3.2 Peringkat Negeri**

Pasukan-pasukan Khas hendaklah ditubuhkan oleh Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (Mengenai Dadah)/Kumpulan Kerja Bilik Gerakan Anti Dadah di peringkat Negeri/Wilayah Persekutuan.

### **4. KEANGGOTAAN PASUKAN-PASUKAN KHAS**

#### **4.1 Peringkat Persekutuan**

Pasukan-pasukan Khas yang ditubuhkan di peringkat Persekutuan hendaklah terdiri daripada pegawai dari agensi-agensi seperti berikut:

- 4.1.1 Pasukan Petugas Anti Dadah, Majlis Keselamatan Negara.
- 4.1.2 Kementerian Dalam Negeri (Bahagian Rawatan dan Pemulihan)

Dadah).

4.1.3 Kementerian Kesihatan.

Ibu Pejabat Polis Di Raja Malaysia Cawangan Anti Dadah (apabila

4.1.4 perlu).

Wakil dari Kementerian/Jabatan/Agensi di mana program ujian air

4.1.5 kencing ini dijalankan.

4.1.6 Jabatan Perkhidmatan Awam (apabila perlu).

## 4.2 Peringkat Negeri/Wilayah Persekutuan

Pasukan-pasukan Khas yang ditubuhkan di peringkat Negeri/Wilayah

Persekutuan hendaklah terdiri daripada pegawai dari agensi-agensi seperti berikut:

4.2.1 Pasukan Petugas Anti Dadah Negeri.

4.2.2 Unit Rawatan dan Pemulihan Dadah Negeri.

4.2.3 Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negeri.

Cawangan Anti Dadah, Ibu Pejabat Kontijen Polis Negeri (apabila  
4.2.4 perlu).

Wakil dari Jabatan/Agensi di mana program ujian air kencing ini  
4.2.5 dijalankan.

4.2.6 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (apabila perlu).

4.2.7 Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (yang berkenaan).

4.3 Pasukan Khas ini akan diketuai oleh pegawai/wakil daripada Pasukan Petugas Anti Dadah Persekutuan/Negeri.

## **5. BIDANG TUGAS PASUKAN KHAS**

Bidang tugas dan tanggungjawab Pasukan Khas yang ditubuhkan adalah seperti berikut:

- 5.1 Memberi taklimat dan penerangan mengenai program ujian air kencing secara mengejut kepada semua Ketua Jabatan.
- 5.2 Membuat lawatan ke agensi-agensi yang dikenalpasti untuk mengambil sampel-sampel air kencing dari kakitangan yang dikehendaki menjalani ujian.
- 5.3 Menyediakan laporan ujian air kencing mengikut format seperti di [Lampiran IA](#).
- 5.4 Memberitahu Ketua-ketua Jabatan mengenai keputusan program ujian air kencing untuk diambil tindakan susulan sewajarnya.
- 5.5 Mengambil tindakan susulan dari segi rawatan dan pemulihan ke atas kes-kes positif.

## **6. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI-PEGAWAI PASUKAN KHAS**

### **6.1 Pegawai/Wakil Pasukan Petugas Anti Dadah Persekutuan/Negeri**

- 6.1.1 Selaku Ketua Pasukan.
- 6.1.2 Pengerusi mesyuarat-mesyuarat Pasukan Khas.
- 6.1.3 Memberi taklimat dan penerangan mengenai program ini kepada semua Ketua Jabatan.
- 6.1.4 Berhubung dengan Ketua-ketua Jabatan.
- 6.1.5 Menyediakan laporan mengikut format di [Lampiran IA](#).

- 6.1.6 Menyampaikan keputusan-keputusan ujian kepada Ketua-ketua Jabatan untuk tidakan susulan.
- 6.1.7 Mengatur persiapan untuk mengadakan lawatan ke agensi-agensi yang telah dikenalpasti.
- 6.1.8 Mengawasi secara keseluruhan semasa program ini dijalankan.
- 6.1.9 Menyediakan dan menyampaikan laporan kepada Kumpulan Kerja Bilik Gerakan Anti Dadah Persekutuan/Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (mengenai dadah) atau Kumpulan Kerja Bilik Gerakan Anti Dadah Negeri/Wilayah Persekutuan.

## **6.2 Pegawai Pemulihan Dadah**

- 6.2.1 Mengawasi kakitangan yang dikehendaki menjalani ujian air kencing untuk mengenali tanda-tanda penagihan dadah.
- 6.2.2 Mengambil tindakan susulan dari segi rawatan dan pemulihan ke atas kes-kes positif.
- 6.2.3 Mengendalikan kes-kes sukarela mengikut peraturan-peraturan dibawah Akta Penagihan Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

## **6.3 Pegawai Perubatan**

- 6.3.1 Menyedia dan mengetuai kakitangan perubatan termasuk sama ada Pembantu Perubatan, Jururawat atau Pembantu Teknologi Perubatan.

6.3.2 Mengawasi kerja-kerja mengambil spesimen air kencing termasuk kutipan, penghantaran dan simpanan mengikut "Manual For The Laboratory Detection of Drugs of Abuse In Urine" seperti yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

6.3.3 Menjalankan ujian untuk mengesan penggunaan dadah opiat dan ganja.

6.3.4 Melaporkan keputusan ujian air kencing kepada Ketua Pasukan.

#### **6.4 Cawangan Anti Dadah Polis Diraja Malaysia**

Mengawasi aduan-aduan mengenai kegiatan pengedaran dadah jika berlaku di agensi-agensi yang berkenaan dan menyiasat aduan-aduan yang diberikan oleh kakitangan semasa taklimat.

#### **6.5 Pegawai Yang Mewakili Jabatan/Agensi**

6.5.1 Bertanggungjawab mengurus semua perkara yang berkaitan dengan kerjasama yang boleh diberi oleh pihak agensi.

6.5.2 Memberikan senarai nama pegawai dan kakitangan yang dikehendaki memberikan spesimen air kencing kepada Ketua Pasukan Khas sebelum tarikh lawatan ke agensi.

6.5.3 Menyediakan tempat yang sesuai untuk taklimat dan bilik air untuk

mengambil spesimen air kencing.

6.5.4 Mengumpulkan pegawai dan kaitangan yang dikehendaki memberi spesimen air kencing untuk diberi penerangan mengenai program ini.

6.1.8 Mengawasi secara keseluruhan semasa program ini dijalankan.

6.1.9 Menyediakan dan menyampaikan laporan kepada Kumpulan Kerja Bilik Gerakan Anti Dadah Persekutuan/Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (mengenai dadah) atau Kumpulan Kerja Bilik Gerakan Anti Dadah Negeri/Wilayah Persekutuan.

## **6.2 Pegawai Pemulihan Dadah**

6.2.1 Mengawasi kakitangan yang dikehendaki menjalani ujian air kencing untuk mengenali tanda-tanda penagihan dadah.

6.2.2 Mengambil tindakan susulan dari segi rawatan dan pemulihan ke atas kes-kes positif.

6.2.3 Mengendalikan kes-kes sukarela mengikut peraturan-peraturan di bawah Akta penagihan Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

## **6.3 Pegawai Perubatan**

6.3.1 Menyedia dan mengetuai kakitangan perubatan termasuk sama ada Pembantu Perubatan, Jururawat atau Pembantu Teknologi Perubatan.

6.3.2 Mengawasi kerja-kerja mengambil spesimen air kencing termasuk kutipan, penghantaran dan simpanan mengikut "Manual For The Laboratory Detection of Drugs of Abuse In Urine" seperti yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

6.3.3 Menjalankan ujian untuk mengesan penggunaan dadah opiat dan ganja.

6.3.4 Melaporkan keputusan ujian air kencing kepada Ketua Pasukan.

#### **6.4 Cawangan Anti Dadah Polis Diraja Malaysia**

Mengawasi aduan-aduan mengenai kegiatan pengedaran dadah jika berlaku di agensi-agensi yang berkenaan dan menyiasat aduan-aduan yang diberikan oleh kakitangan semasa taklimat.

#### **6.5 Pegawai Yang Mewakili Jabatan/Agenzi**

6.5.1 Bertanggungjawab mengurus semua perkara yang berkaitan dengan kerjasama yang boleh diberi oleh pihak agensi.

6.5.2 Memberikan senarai nama pegawai dan kakitangan yang dikehendaki memberikan spesimen air kencing kepada Ketua Pasukan Khas sebelum tarikh lawatan ke agensi.

6.5.3 Menyediakan tempat yang sesuai untuk taklimat dan bilik air untuk mengambil spesimen air kencing.

6.5.4 Mengumpulkan pegawai dan kaitangan yang dikehendaki memberi spesimen air kencing untuk diberi penerangan mengenai program ini.

8.6 Menyampaikan laporan kepada Ketua-ketua Jabatan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan berkenaan dan salinan kepada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam/Pejabat Setiausaha Kerajaan.

8.7 Mengambil tindakan susulan ke atas kes-kes positif mengikut Akta Penagih

Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

8.8 Menyampaikan laporan kepada Kumpulan Kerja Bilik Gerakan Anti Dadah di peringkat Persekutuan dan ke Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (Mengenai Dadah) Kumpulan Kerja Bilik Gerakan Anti Dadah Negeri/Wilayah Persekutuan.

LAMPIRAN 1A

## LAPORAN PROGRAM UJIAN AIR KENCING SECARA MENGEJUT BAGI MENGESAN PENAGIHAN

## DADAH DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN

1. Nama Kementerian/Jabatan/Agenzi:.....
  2. Tarikh Ujian:.....
  3. Bilangan Kakitangan Yang Dikehendaki Menjalani Ujian Air Kencing (seperti disenaraikan):.....
  4. Bilangan Sebenar Yang Menjalani Ujian:.....
  5. Bilangan Kakitangan Yang Tampil Secara Sukarela:.....
  6. Bilangan Keputusan Positif:.....

--	--	--	--	--	--	--	--	--

**LAMPIRAN II**

**SENARAI ALAMAT**  
**PASUKAN PETUGAS ANTI DADAH**  
**KEBANGSAAN DAN NEGERI**

Pengarah,	Tel.: 03-
Pasukan Petugas Anti Dadah,	2542533.
Majlis Keselamatan Negara,	
Jabatan Perdana Menteri,	
Aras 6, Blok "F",	
Pusat Bandar Damansara,	
Bukit Damansara,	
50490 Kuala Lumpur.	
Pengarah,	Tel.: 09-783666.
Pasukan Petugas Anti Dadah Negeri Kelantan,	
Blok 3, Tingkat 1,	
Kompleks Kota Darul Naim,	
Kota Bharu,	
Kelantan Darul Naim.	
Pengarah,	Tel.: 082-
Pasukan Petugas Anti Dadah Negeri Sarawak,	441957/
Tingkat 4, Bangunan Tunku Abdul Rahman,	440820.
Petra Jaya,	
93503 Kuching,	

Sarawak.

Pengarah, Tel.: 03-  
Pasukan Petugas Anti Dadah Negeri Selangor, 5591957.  
Tingkat 7, Blok Menara,  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

Pengarah, Tel.: 04-621957/  
Pasukan Petugas Anti Dadah Negeri Pulau Pinang, 629109.  
Tingkatan 22, Bangunan KOMTAR,  
10503 Pulau Pinang.

Pengarah,  
Pasukan Petugas Anti Dadah Negeri Melaka,  
Tingkat 9, Wisma Persekutuan,  
Jalan Hang Tuah,  
75503 Melaka.

Pengarah, Tel.: 04-721394/  
Pasukan Petugas Anti Dadah Negeri Kedah, 726311.  
Blok "B" Wisma Negeri,  
05503 Alor Star,  
Kedah Darul Aman.

Pengarah, Tel.: 04-761116.  
Pasukan Petugas Anti Dadah Negeri Perlis  
Tingkat 1, Bangunan Persekutuan Lama,

01000 Kangar,

Perlis Indera Kayangan.

Pengarah,

Tel.: 07-231033/

Pasukan Petugas Anti Dadah Negeri Johor,

239798.

Pejabat Setiausaha Kerajaan,

Bukit Timbalan, Peti Surat No. 58,

80503 Johor Bharu,

Negeri Johor Darul Takzim,

Pengarah,

Tel.: 03-

Pasukan Petugas Anti Dadah Wilayah Persekutuan,

2929919.

Tingkat 5, Wisma PKNS,

Jalan Raja Laut,

50350 Kuala Lumpur.

Pengarah,

Tel.: 09-625488.

Pasukan Petugas Anti Dadah Negeri Terengganu,

Tingkat 10, Wisma Darul Iman,

20503 Kuala Terengganu,

Terengganu Darul Iman.

Pengarah,

Tel.: 725504.

Pasukan Petugas Anti Dadah Negeri Sembilan,

141, Jalan Dato' Hamzah,

7503 Seremban,

Negeri Sembilan Darul Khusus.

Pengarah,

Tel.: 09-521961.

Pasukan Petugas Anti Dadah Negeri Pahang,  
Tingkat 3, Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.

Pengarah, Tel.: 088-

Pasukan Petugas Anti Dadah Negeri Sabah, 235562.

Jabatan Perdana Menteri,

Lot No. D6 1-6.4 & E6 1-6.2,

Tingkat 6, Blok D Kompleks KUWASA,

49, Jalan Karamunsing,

88000 Kota Kinabalu,

Sabah.

Pengarah, Tel.: 05-538100/

Pasukan Petugas Anti Dadah Negeri Perak, 538126/

Pejabat Setiausaha Kerajaan, 518999.

Jalan Panglima Bukit Gantang,

30000 Ipoh,

Perak Darul Ridzuan.